

**NO. SOALAN : 382**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-**

- (a) prospek dan unjuran keuntungan 5 tahun Tabung Haji; dan
- (b) manfaat-manfaat jangka pendek dan jangka panjang yang akan diperoleh oleh pencarum-pencarum Tabung Haji.

**JAWAPAN: (YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prospek dan unjuran keuntungan 5 Tahun **TH** adalah bergantung kepada pertumbuhan dana pendeposit di samping prestasi ekonomi dalam dan luar negara. Andaian yang telah dibuat dalam unjuran pertumbuhan

dana pendeposit adalah dalam lingkungan 10% setahun. Sejajar dengan unjuran pertumbuhan dana pendeposit, kadar pertumbuhan keuntungan juga dijangkakan akan meningkat sekitar 5% hingga 10%.

- b) Sesungguhnya **TH** sentiasa memberi keutamaan terhadap manfaat-manfaat kepada para pendeposit terutamanya bakal-bakal Jemaah haji.

Antara manfaat-manfaat jangka masa pendek dan panjang yang telah diperoleh adalah :

1. subsidi haji yang kian meningkat setiap tahun (2015 : Kos Haji adalah RM17,270; kos ditanggung jemaah adalah RM9,980; kos tanggungan **TH** bagi seorang jemaah adalah RM7,290);
2. subsidi terhadap kos-kos perkhidmatan yang diberikan kepada para jemaah di Tanah Suci seperti perubatan, khidmat bimbingan, ubat-ubatan, khidmat kauseling dan sebagainya;
3. kadar bonus tahunan yang kompetitif berbanding pulangan simpanan dari mana-mana perbankan Islam yang lain dan pemberian bonus adalah tertakluk kepada prestasi kewangan **TH** pada tahun semasa;
4. bonus Haji diberikan khas kepada mereka yang belum menunaikan haji bagi menambah wang simpanan mereka;
5. kursus-kursus asas haji yang diberikan secara percuma kepada para bakal jemaah dan juga orang awam bagi memantapkan

- pengetahuan dan pemahaman mereka berkaitan ibadat haji; dan
6. Kursus Perdana Haji untuk bakal-bakal haji yang memberikan pendedahan secara amali kepada mereka sebelum ke Tanah Suci.

Sekian, terima kasih.

**RT40/383**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK DR. MOHD.  
KHAIRUDDIN BIN AMAN  
RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan untuk merancakkan sosio- pendidikan di Kuala Nerus dan bagi membangunkan daerah ini sebagai Bandar Pendidikan memandangkan terdapat beberapa universiti di daerah ini.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Fokus gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025) ialah perubahan sistem yang menyokong peranan guru dan kemenjadian murid dengan memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk mengangkat kualiti sistem pendidikan. Perancangan ini dilaksanakan secara komprehensif dan meluas yang juga meliputi daerah Kuala Nerus.

Pada masa ini di daerah Kuala Nerus, terdapat Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Dato' Razali Ismail, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Menengah Imtiyaz , Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Sekolah Menengah Teknik Terengganu, Sekolah Menengah Teknik Wakaf Tembesu dan sekolah-sekolah menengah dan rendah yang lain. Selain

itu, beberapa institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) ditubuhkan iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Kota, UniSZA Kampus Gong Badak dan UniSZA Kampus Tembila, Universiti Malaysia Terengganu serta Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dungun, UiTM Kuala Terengganu dan UiTM Kampus Bukit Besi. Di samping itu, terdapat Politeknik Kuala Terengganu, Politeknik Hulu Terengganu dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin serta Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Kolej Komuniti Kemaman dan Kolej Komuniti Besut. Semua institusi pendidikan tersebut diharap dapat menyokong pembangunan modal insan dalam sektor pendidikan tinggi di Kuala Nerus, Terengganu.